

Rabu – 9 Disember 2020

Halaman : 17

Kelas tuisyen anak Orang Asli diadakan tiga kali seminggu

GUA MUSANG — Ibu bapa masyarakat Orang Asli di Kampung Sendrop, Tanah Tinggi Lojing di sini mengambil inisiatif sendiri dengan membuka kelas tuisyen percuma untuk anak-anak mereka belajar sejak dua minggu lalu.

Pengerusi kelas tuisyen itu, Rasid Akoh berkata, kelas tuisyen secara tidak formal itu dikendalikan oleh belia Orang Asli sendiri yang berdedikasi dalam mengajar pelajar setiap minggu.

Katanya, kelas itu diadakan selama dua jam setiap tiga kali seminggu.

"Kelas itu diadakan di balai sewang yang boleh memuatkan 50 pelajar.

"Idea ini merupakan cetusan ibu bapa sendiri kerana cuti sekolah panjang dan mereka ingin memberi manfaat ilmu pelajaran kepada anak mereka," katanya.

ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut Rasid, selain mengajar menulis dan membaca, kanak-kanak Orang Asli juga diberi pendedahan tentang bahaya wabak Covid-19 dan penerangan norma baharu yang perlu diamalkan.

Seorang ibu kaum Orang Asli, Jariah Tahir, 45, menyokong usaha itu apabila tiga orang anaknya turut menyertai kelas tuisyen berkenaan.

Katanya, terdapat dua guru Orang Asli yang juga penduduk tempatan secara sukarela mengajar anak mereka.

"Kelas tuisyen ini diadakan bagi mengisi masa terluang anak Orang Asli ketika musim cuti sekolah ini.

"Kebiasaan cuti sekolah ini, anak kami bebas bermain dan tidak belajar langsung," ujarnya.



KANAK-KANAK Orang Asli yang mengikuti kelas tuisyen di balai sewang, Kampung Sendrop, Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang semalam.